

# ANWAR BERTANDING PILIHANRAYA 2008?

Oleh: PEMERHATI POLITIK

Edi baru - 5/1/2007

**BEBERAPA** akhbar tempatan telah menyiarkan tentang hasrat bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk bertanding di dalam pilihan raya umum pada tahun 2008. Beliau berkata hasrat beliau untuk bertanding adalah hak beliau.

Beliau berkata sedemikian pada forum 'Dialog Meja Bulat Antara Muslim' anjuran Parti Keadilan Rakyat dan Yayasan *Frederich Nauman Stiftung* baru ini. Walau bagaimana pun beliau tidak menjelaskan di atas tiket parti mana beliau akan bertanding.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu telah menjalani hukuman penjara 6 tahun atas tuduhan meliwat dan juga rasu ah telah dibebaskan tanpa syarat pada September 2004.

Jika benar hasrat Anwar untuk bertanding di pilihanraya 2008 nanti, maka suasana politik sudah pastinya bertam bah rancak dari dimensi yang berlainan kerana tiada siapa yang boleh menghalang hasrat beliau untuk bertanding semula samada untuk Parti Keadilan ataupun sebagai calon bebas.

Sebelum ini ada ura-ura yang mengatakan bahawa Anwar akan menyertai UMNO tetapi telah ditentang keras oleh Pergerakan Pemuda UMNO terutamanya Datuk Hishamuddin dan Khairy Jamaluddin. Justeru itu Anwar terpaksa mencari parti lain atau menjadi calon bebas.

Difahamkan kebelakangan ini Anwar semakin rancak berucap di seluruh negara untuk mempromosikan diri beliau sambil mengkritik dasar rak yat kerajaan pimpinan Pak Lah. Beliau telah membangkitkan pelbagai isu termasuk isu sensitif barangkali dengan tujuan mempengaruhi bukan bu mputera untuk mendapat sokongan dari mereka. Ramai sependapat bahawa tindak tanduk Anwar itu merbahaya dan tidak akan menguntungkan orang Melayu.

Dalam pada itu, hasrat Anwar itu tidak akan kesampaian jika pilihan raya diadakan sebelum tahun 2008. Sama-samalah kita tunggu dan lihat apa keputusan kerajaan di bawah pimpinan Pak Lah samada diadakan pilihanraya pada 2007 atau 2008.



Dato' Seri Anwar Ibrahim... kerap berucap di seluruh negara sejak akhir-akhir ini